


Bekalan makanan di Sarawak cukup sepanjang PKP - Naroden

020-04-06T12:34:23+08:00

oleh Marlinda Mardzuki



KUCHING: Rakyat Sarawak tidak perlu khuathir atau panik tentang bekalan makanan kerana ia dijamin mencukupi sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini.

Ahli Jawatankuasa Rantaian Makanan Semasa COVID-19, Datuk Mohd Naroden Majais (gambar) berkata, jaminan itu diberikan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) yang bertanggungjawab ke atas pembekalan makanan di Sarawak.

"KPDNHEP memaklumkan kita yang bekalan barang makanan negeri ini masih dalam terkawal dan mencukupi bagi setiap bahagian, daerah malah di kawasan kampung dan pedalaman.

"Justeru, semua lapisan masyarakat sama ada di bandar maupun di kawasan luar bandar dinasihati untuk tidak panik sepanjang PKP bagi menangani penularan wabak COVID-19," katanya menerusi aplikasi WhatsApp hari ini.

Menteri Muda Pembangunan Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Terminal Perindustrian dan Pembangunan Usahawan itu berkata, rakyat perlu faham yang Sarawak mempunyai dua sistem pembekalan dan penjualan sebanyak 800 buah pusat jualan (POS) di kawasan luar bandar dan pendalaman.

Pusat jualan ini kata Naroden terdiri daripada kedai-kedai runcit yang menjual barang asas yang terkawal berdaftar dibawah KPDNHEP dan penghantaran barang ini dikawal oleh agensi tersebut dari masa ke semasa mengikut permintaan dalam sesbuah kawasan tersebut.

"Pusat jualan ini membeli barang mereka daripada pemberong yang ada di pekan yang berdekatan. Misalannya, bagi Kampung Nanga Merit dalam bahagian Kapit terdapat tiga POS dan semua barang mereka dihantar bagi tujuan 'diisi semula' oleh pengedar mereka atas arahan agensi tersebut supaya masyarakat di kawasan boleh membeli keperluan mereka," katanya.

Selain itu, menurut Naroden, ada juga kedai runcit yang bukan di bawah seliaan KPDNHEP yang mana barang mereka dibeli secara langsung daripada pengedar masing-masing.

"Untuk barang bantuan 'Sarawakku Sayang' pula, Kerajaan Gabungan Parti Sarawak (GPS) di bawah kepimpinan Ketua Menteri Datuk Patinggi Abang Johari Tun Abang Haji Openg memperuntukkan RM200,000 bagi setiap 82 kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) melalui Akaun Jawatankuasa Bencana Bahagian (JBB).

"Ia bagi membeli barang makanan keperluan asas untuk semua kawasan DUN seluruh negeri ini," tambah beliau.

<https://www.utusanborneo.com.my/2020/04/06/bekalan-makanan-di-sarawak-cukup-sepanjang-pkp-naroden>